



SIARAN AKHBAR

Untuk siaran segera

CROCKER MENDAHULUI PUSINGAN HARI PERTAMA

15 Ogos, Kota Tinggi – Cody Crocker bagaikan memenangi loteri apabila mendahului pusingan hari pertama KEJOHANAN RALI ASIA PASIFIK (APRC) FIA Rali Malaysia ANCOM (MR09) dengan catatan masa 2 jam 3 minit 15 saat.

Crocker daripada Motor Image Racing Team mendahului daripada permulaan dengan jentera Subaru Impreza WRX diikuti pencabar terdekatnya, Katsu Taguchi daripada pasukan MRF Tyres.

Pada permulaan perlumbaan Taguchi kelihatan seperti akan menamatkan perlumbaan ditempat kedua sehinggalah jentera Mitsubishi Lancer Evo 9 beliau menjunam ke dalam longkang di Special Stage 7 (SS7). “Kami tidak menyedari bahawa selekok itu menjadi sangat licin daripada biasa. Momentum kereta yang tinggi telah membawa kami sehingga ke pinggir trek lalu masuk ke dalam longkang di tepi dan kami tiada cengkaman tayar yang bagus untuk keluar dari situ,” kata Mark Stacey, jurupandu Taguchi.

Hujan pada permulaan hari menyebabkan Stages menjadi terlalu licin dan ini menambahkan cabaran buat pemandu.

Crocker berkata, “Ini adalah acara yang penting bagi kami dan kunci utama bagi kebanyakan pasukan kerana ini adalah pusingan APRC yang paling susah dan mencabar. Saya rasa Katsu meletakkan tekanan kepada diri sendiri untuk mengalahkan saya dan kami juga berada dalam tekanan tinggi, kini kami berasa amat lega dan sangat gembira kerana mendapat keputusan yang bagus hari ini.”

Taguchi yang memasuki Pusingan ini dengan tempat kedua dalam pungutan mata, berkata bahawa beliau bercadang untuk memenangi tiga Pusingan seterusnya untuk cuba merampas Kejohanan daripada Crocker. Dengan permasalahan hari ini, Taguchi perlu memikirkan strategi baru. “Esok adalah hari baru, kami akan mencuba untuk mendapatkan tiga mata bonus bagi kejohanan dan kami akan menganalisa apa yang kami boleh perbaiki bagi pusingan rali seterusnya,” tambah Taguchi lagi.

Dua pusingan terakhir APRC akan dilangsungkan di Indonesia pada bulan Oktober dan China pada bulan November.

Dengan ketiadaan Taguchi, Emma Gilmour menamatkan perlumbaan hari pertama dengan selesa di tempat kedua dengan catatan masa 8 minit 12 saat di belakang Crocker yang juga merupakan rakan sepasukan. Rifat Sungkar yang memandu jentera Mitsubishi Lancer Evo 8 mendapat tempat ketiga dengan masa 2 jam 21 minit 44 saat.

Kedua-dua Gaurav Gill dan Karamjit Singh terpaksa menghentikan perlumbaan di SS2. Jentera Mitsubishi Lancer Evo 10 Gaurav telah mengalami masalah mekanikal dan Proton Neo S2000 Karamjit terjunam ke dalam longkang dan terpaksa di tarik keluar.

“Semasa di SS1 kami tersangkut-sangkut dan kami terpaksa mengundur beberapa kali, oleh itu masa berharga telah banyak hilang. Kemudian di SS2 kami menjadi lebih baik tetapi malang tidak berbau apabila saya mengambil selekoh terlalu awal dan kereta terjunam,” kata Karam. Beliau dan jurupandu, jagdv Singh akan meneruskan perlumbaan esok (Ahad).

Bagi Kejohanan Rali Malaysia (MRC) yang berjalan serentak, Saladin Mazlan daripada Felda Rally Team mendapat tempat pertama dengan catatan masa 2 jam 17 minit 4 saat. Tempat kedua, 2 minit 22 saat di belakang Saladin adalah Gunaseelan Rajoo daripada GSR Pennzoil Racing Tema. Rakan sepasukan Saladin, Rozali Abdullah mendapat tempat ketiga dengan 2 jam 20 min 59 saat. Ketiga-tiga pemandu di dalam kategori 4WD dan P12.

“Kami teramat gembira,” kata jurupandu Saladin, Arish Qutb Ahmad Khan. “Kami mengalami sedikit masalah di SS1&2 apabila brek kami rosak, tetapi apabila ia telah diperbaiki kami mencuba bersungguh-sungguh dan hasilnya amat membanggakan,” tambahnya lagi.

Bagi kategori 2WD, peserta dari Hong Kong Clayton Check (P11) menamatkan perlumbaan dengan menduduki tempat pertama dengan catatan masa 37 minit 11 saat, hanya 4 min 19 saat di hadapan pemandu Junior, Faidzal Alang (P10).

Para pesaing akan memandu melalui ladang kelapa sawit Kota Tinggi. Mereka akan menghabiskan 16 SS sejauh 227.07km pada hujung minggu ini. Acara Penyampaian Hadiah akan dilangsungkan di Zon Hotel pada pukul 4 petang Ahad ini.

Bagi makluman lanjut, sila layari www.malaysianrally.com.

###

Untuk maklumat lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

Diane Barton, Media Director MR9

M: +6017 286 2208 Email: diane@pdq.com.my